

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
AJARAN SYED MOHD. AL MASYOR**

1. TAJUK PERSOALAN

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor untuk mendapatkan pandangan dan keputusan mengenai ajaran Syed Mohd Al-Masyhor.

2. LATAR BELAKANG

Syed Mohd al-Masyhor seorang rakyat Singapura yang meninggal dunia pada 16 Julai 1974 beralamat No 13, Panlee Road, Singapura, bekerja sebagai buruh pelabuhan Singapura. Pada masa mudanya suka berjudi bermain kuda , tetapi akhirnya bertukar corak kehidupannya dengan keagamaan dengan membawa ajaran kumpulan Ikhwan atau lebih dikenali dengan ajaran Syed Mohd al-Masyhor. Ajaran beliau juga diberi nama Tarikul Islam Muhammad S.A.W Habibullah al-Hashim. Sekarang ajaran ini dipimpin oleh anak saudaranya Syed Ali Al-Masyhor.

3. CIRI-CIRI AJARAN

3.1 Mengaku Rasul

Kumpulan ini berpendapat bahawa hanya Rasullulah sahaja yang mengislamkan manusia. Setelah baginda wafat maka seorang demi seorang akan menggantikan baginda iaitu dari keturunan Syed. Justeru itu Syed Mohd al-Masyhor mengaku bahawa dirinya adalah Rasul. Beliau juga mengaku boleh memberi syafaat kepada pengikutnya yang mempunyai kesalahan maksiat seperti minum arak, berjudi, tidak menunaikan sembahyang dan lain-lain kesalahan.

3.2 Rasulullah Bercantum Dengan Allah

Rasul pengganti adalah Rasulullah. Pada zahirnya sahaja manusia, dari segi hakikatnya adalah bercantum dengan Allah. Segala kata-kata dan gerak-gerinya adalah Allah itu sendiri.

3.3 Al-Quran Sebenar ialah Nur Hikmah

Syed Mohd al-Masyhor berkata bahawa Al-Quran yang ada sekarang bukan Al-Quran yang sebenarnya. Al-Quran sebenar berada dalam tubuh kita yang diberi nama "Nur Hikmah". Al-Quran yang ada sekarang menjadi mansuh dengan Nur Hikmah.

3.4 Pengikut Ditegah Berimamkan Orang Luar

Pengikut-pengikut ajaran ini ditegah sama sekali menjadi makmum daripada mana-mana orang bukan ahli kumpulan ini.

3.5 Menegah Berkahwin Dengan Bukan Ahli

Pengikut-pengikut ajaran ini adalah ditegah sama sekali berkahwin dengan orang bukan ahli, kerana mereka beranggapan bahawa orang yang tidak menjadi ahli mereka adalah bukan Islam

3.6 Mengamal Nikah Batin

Upacara pernikahan yang dilakukan oleh jurunikah yang bertauliah adalah tidak sah, bagi mereka tiap pasangan perlu melakukan nikah batin. Ajaran ini telah menetapkan lima rukun nikah batin:-

- a) Perempuan yang dinikahi itu bernama Maknikam.
- b) Maharnya adalah air mani.
- c) Walinya ialah Allah.
- d) Yang menikahkan itu ialah Muhammad.

- e) Saksinya Malaikat Kiraman Katibin.

3.7 Pengikut Ajaran Ini Dijamin Masuk Syurga

Ajaran kumpulan ini tidak mengambil berat tentang perkara-perkara fardhu dan begitu juga dengan perkara-perkara yang dilarang dalam agama, ini adalah disebabkan pengikutnya dijamin akan dimasukkan ke dalam syurga melalui syafaat Syed Mohd Al-Masyhor.

3.8 Menerbitkan Buku Bertajuk “ Mengikut Jejak Rasulullah S.A.W.” Kumpulan ajaran ini telah menerbitkan sebuah buku berjudul “Mengikut Jejak Rasulullah S.A.W”, yang bertajuk seperti berikut:

- a) Al-Islam agama yang diredhai Allah
- b) Islam bukan warisan
- c) Makna Islam
- d) Al-Wasilah
- e) Kalimah Syahadatain
- f) Akibat Menentang Rasulullah Satu
- g) Perpaduan.....x.....Ummat

Buku-buku ini diterbitkan khas untuk ahli sahaja. Pengikut ajaran ini ditegah sama sekali memberikan buku ini kepada bukan ahli.

Perkara-Perkara Yang Bercanggah Dalam Buku Ini

- a) Menulis Al-Quran dan Hadis dengan huruf rumi(latin)
- b) Menambah kalimah syahadah

Perjanjian kami dengan Allah S.W.T dengan kata iqrar: “Asyhadu an la ilaha illallah-HU ALLAH” m.s 25

Perjanjian kami dengan Rasulullah S.A.W dengan kata iqrar: “Asyhadu *anna Muhammadur Rasulullah-HUL HAQ (A)*” m.s 26

3.9 Salah Tafsir Al-Quran

Kumpulan ini mentafsurkan Al-Quran dengan pendapat mereka sendiri tanpa merujuk mana-mana Ulama' tafsir sebagai contoh mereka mentafsirkan Al-Fatihah dengan cara fikiran mereka sendiri.

3.10 Memaksa Anak-Anak Menjadi Ahli

Kumpulan ini memaksa anak-anak mereka menjadi ahli kumpulan mereka terutama anak perempuan yang hendak berkahwin. Kes ini terjadi kepada pasangan Tajul Aznam b. Mohd Taib dan Fairuz bt. Hj Borhan.

4. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang mukatabar didalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut:

“Jawatankuasa Fatwa kali 1/8 memutuskan bahawa Ajaran Syed al-Masyor adalah bertentangan dan menyeleweng daripada akidah Islam. Umat Islam yang menganuti ajaran ini hendaklah bertaubat dan kembali keajaran Islam yang sebenar”